

11/05/2002

Status Naib Presiden dicadangkan untuk Ketua Puteri Umno

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Puteri Umno akan dinaikkan status, daripada ahli Majlis Tertinggi (MT) sekarang kepada kedudukan Naib Presiden Umno iaitu sama seperti Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu.

Ini adalah antara cadangan utama dalam pindaan perlembagaan parti itu yang akan dibentangkan pada satu mesyuarat khas sempena Perhimpunan Agung Umno 20 Jun ini.

Pindaan itu juga akan mengesahkan kewujudan Puteri Umno yang kini masih berstatus sebagai penaja. Jika pindaan itu diluluskan, maka proses pemilihan akan diadakan pada semua peringkat untuk Puteri Umno di seluruh negara sebelum perhimpunan bagi tujuan itu menjelang akhir tahun ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat MT hari ini bersetuju supaya Ketua Puteri Umno diberi taraf yang sama seperti yang diperuntukkan kepada Ketua Pemuda dan Wanita kerana ia juga sayap kepada parti itu.

"Tiada sebab kenapa kita tidak memberi layanan yang sama kepada Puteri (Umno) seperti yang diberi kepada Wanita dan Pemuda, apa juga kedudukan Ketua Pemuda dan Wanita, juga diberi kepada Puteri Umno di semua peringkat," katanya selepas mesyuarat MT itu.

Puteri Umno yang ditubuhkan pada 3 Ogos 2000 adalah satu sayap Umno yang dianggotai mereka yang berusia 35 tahun ke bawah, tetapi had umur bagi Ketua Puteri adalah 40 tahun.

Selepas mesyuarat itu berakhir, Dr Mahathir melakukan upacara ringkas memotong riben sebagai menandakan pelancaran Kempen Poster Menentang Sumbang Mahram anjuran Puteri Umno di ruang legar ibu pejabat Umno. Hadir sama ialah Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman.

Dr Mahathir berkata, berikutan pindaan itu juga, kedudukan semua ketua Pemuda dan Wanita di peringkat bahagian serta cawangan, akan turut diberikan kepada ketua Puteri pada peringkat berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, selepas pindaan perlembagaan mengenai Puteri Umno diluluskan oleh Mesyuarat Khas nanti, Umno akan membuat persediaan bagi merasmikan kewujudan Puteri Umno dan dengan itu diadakan terus pemilihan pada semua peringkat Puteri Umno.

"Mengikut cadangan, perhimpunan Puteri Umno akan diadakan sebelum akhir tahun ini dan pemilihan di semua peringkat cawangan serta bahagian perlu selesai sebelum itu," katanya.

Selain itu katanya, jawatankuasa pengurusan Umno bersetuju meluluskan 44 cawangan baru dan akan meningkatkan kempen menambah bilangan ahli Umno, khususnya untuk meramaikan lagi ahli pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri.

Sementara itu, Azalina menganggap keputusan MT untuk meminda perlembagaan Umno bagi menaikkan status Ketua Puteri sebagai satu petanda baik dan menunjukkan penerimaan terhadap generasi muda dalam Umno.

Ia juga katanya, menunjukkan Umno peka dan prihatin terhadap kepimpinan kalangan hawa dalam politik berbanding Pas.

"Saya tengok bahawa keputusan MT dan presiden parti ini menunjukkan satu dimensi baru kepada tugas dan tanggungjawab wanita di negara kita. Saya rasa ini satu kejayaan bagi kaum hawa di negara kita kerana mereka diwakili perwakilan wanita dan puteri dalam Umno," katanya.

Beliau berkata, keputusan MT hari ini menunjukkan pengiktirafan kepada peranan generasi muda khususnya dari kalangan hawa dan beliau yakin selepas ini semakin ramai yang akan memohon menyertai menjadi ahli Puteri.

Ditanya mengenai perancangan Puteri sekarang, beliau berkata sudah tentu mereka mahu membuat persiapan bagi konvensyen Puteri Umno yang pertama dan melihat pindaan perlembagaan Umno.

"Selepas itu kita akan melakukan pembersihan dalam Puteri Umno. Kita juga sudah mengarahkan semua peringkat untuk mewujudkan cawangan Puteri Umno. Insya-Allah kita harap dalam dua ke tiga bulan lagi semua pembersihan akan selesai," katanya.

Azalina berkata, selain menarik lebih ramai keahlian, Puteri Umno juga akan memastikan semua ahlinya berdaftar sebagai pengundi, supaya apabila pilihan raya akan datang diadakan, semua anggotanya sudah mendaftar.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz yang turut ditemui selepas mesyuarat itu, menyambut baik langkah menaikkan status Puteri Umno dan berharap ia akan menggalakkan mereka untuk lebih giat menarik lebih ramai keahlian baru dari kalangan generasi muda.

"Kita tahu ahli Puteri sudah meningkat dan semakin ramai yang memohon menjadi ahli. Saya rasa lebih ramai lagi yang wajar dihubungi oleh Puteri iaitu kalangan anak muda yang mungkin ingin berjinak-jinak dengan Umno." katanya.

Kepada satu soalan, beliau berkata memanglah sebelum ini MT memutuskan bahawa Ketua Puteri hanya setakat menjadi ahli MT saja tetapi pada mesyuarat hari ini, ada perubahan pandangan di kalangan beberapa pihak dan diminta ia diputuskan oleh Perdana Menteri sendiri selaku presiden parti.

(END)